



Rujukan : UKM3.1/224/8 Jld. XI
Tarikh : 24 September 2013

PEKELILING BENDAHARI BIL. 17/2013

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

KAWALAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGGUNAKAN BUKU VOT SISTEM KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (UFAST)

Sukacita pihak kami ingin menarik perhatian pihak Y.Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan berhubung perkara di atas.

PENGENALAN

2. Sistem Kewangan dan Perakaunan Universiti (UFAST) telah mula dilaksanakan mulai 2 Januari 2013 dan kaedah kawalan peruntukan dan perbelanjaan telah ditambahbaik melalui dua kaedah berikut:

- a. penyediaan buku vot secara elektronik di dalam Modul Belanjawan. Buku vot ini adalah khusus bagi mengawal peruntukan dan perbelanjaan akaun mengurus.
- b. penyediaan laporan baki projek pembangunan, akaun khas, akaun amanah dan akaun penyelidikan melalui Modul Akaun Amanah dan Projek (MAAP).

Laporan Buku Vot Bajet

3. Kemudahan laporan buku vot bajet di dalam Modul Belanjawan telah disediakan secara elektronik melalui UFAST. Semua pusat tanggungjawab (PTJ) boleh menyemak kedudukan peruntukan dan perbelanjaan masing-masing melalui modul berkenaan. Berikut adalah maklumat yang terdapat di dalam laporan buku vot berkenaan:

- a. Maklumat peruntukan seperti agihan awal tahun, tambahan atau pemotongan peruntukan dan viremen yang telah diluluskan
- b. Maklumat tempahan peruntukan yang dimasukkan oleh PTJ
- c. Komitmen perbelanjaan iaitu selepas Pesanan Rasmi diluluskan
- d. Perbelanjaan yang telah diluluskan



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

4. Maklumat-maklumat terperinci boleh dicapai terus melalui laporan buku vot berkenaan dan cetakan boleh dibuat jika diperlukan. Bagi memastikan ketepatan maklumat, PTJ dikehendaki menyemak laporan berkenaan secara berkala. Jika terdapat keraguan dan kesilapan yang telah dikenalpasti hendaklah dilaporkan terus kepada Unit Belanjawan Jabatan Bendahari UKM.
5. Penyediaan buku vot secara manual yang dikuatkuasakan melalui Pekeliling Bendahari Bil. 24/2009 dengan ini adalah dimansuhkan.


Tarikh Kuatkuasa

6. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh pekelling ini ditandatangani dan Pekeliling Bendahari Bil. 24/2009 berkaitan perkara ini adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

'Akauntabiliti Pegangan Kita'

Yang benar,



MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)
 - Pendaftar UKM
 - Ketua Pustakawan